Data-data ini yang diperoleh daripada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) (<http://uis.unesco.org/apps/visualisations/research-and-development-spending/>) menunjukkan ekosistem R&I di Malaysia perlu berubah dengan penyertaan lebih tinggi daripada sektor industri Malaysia dalam meningkatkan aktiviti R&I.

RANKING, DANA BESAR

Data dalam Jadual 1 menunjukkan peratus perbelanjaan R&I berbanding KDNK bagi 15 negara teratas di dunia. Di samping itu, data-data untuk China, Malaysia dan Thailand juga dimasukkan sebagai perbandingan.

Data-data perbelanjaan ini dipecahkan kepada sumbangan daripada industri, kerajaan dan universiti.



SUDAH sampai masanya bagi ekosistem R&I di Malaysia berubah dengan penglibatan yang lebih aktif daripada sektor Industri. - GAMBAR HIASAN/

Data secara jelas menunjukkan bahawa jumlah perbelanjaan R&I di Malaysia hanyalah 1.3% daripada KDNK manakala perbelanjaan Korea (ranking nombor 1) dalam R&I adalah 4.3% daripada keseluruhan KDNK.

Namun yang lebih ketara adalah nisbah perbelanjaan R&I antara sektor industri dengan kerajaan dan universiti adalah 3.86 kali lebih tinggi.

Tetapi untuk Malaysia, nisbah tersebut adalah 0.84, bermakna dana lebih banyak dikeluarkan oleh kerajaan dan universiti berbanding industri.

Data-data untuk 15 negara tertinggi di dunia juga menunjukkan trend sama di mana sektor industri adalah penyumbang lebih tinggi.

Industri adalah sektor yang perlu memacu aktiviti R&I seterusnya dapat menghasilkan produk-produk inovatif yang boleh bersaing dalam pasaran terbuka.

China walaupun tidak tersenarai dalam 15 negara teratas tetapi memperuntukkan jumlah dana yang sangat besar untuk R&I dan penglibatan industri juga sangat tinggi iaitu nisbah 3.40.

Hatta, Thailand yang memperuntukkan dana R&I yang jauh lebih kecil, tetapi nisbah sektor industri kepada kerajaan dan universiti adalah 1.20 dan ini lebih tinggi daripada Malaysia.

Jadual 1 dengan jelas menunjukkan Malaysia adalah satu-satunya yang menunjukkan nisbah kurang daripada 1.0.

Oleh itu sudah sampai masanya bagi ekosistem R&I di Malaysia berubah dengan penglibatan lebih aktif daripada sektor industri.

Kerajaan telah menyediakan pelbagai galakan dan insentif untuk pihak industri supaya

Bahagian R&I perlu diwujudkan dalam syarikat yang akan menumpu kepada pembangunan idea-idea inovatif yang akan dapat membantu dalam peningkatan perolehan syarikat.

aktiviti R&I berimpak dapat dipertingkatkan. Misalnya sumbangan yang dikeluarkan boleh mendapat pengecualian cukai ataupun potongan dua kali ganda.

KURANG SAMBUTAN

Di samping itu Kementerian Pendidikan dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim juga memperuntukkan sejumlah dana yang besar bagi tujuan R&I dengan menggalakkan penyertaan industri melalui padanan dana.

Namun dana-dana ini kurang mendapat sambutan menggalakkan daripada industri, mungkin kerana R&I bukan aktiviti strategik syarikat-syarikat.

Universiti awam dan swasta juga sentiasa bersedia membantu membolehkan kerjasama R&I berlaku dengan lebih efektif.

Bilangan penyelidik yang tinggi dengan kelulusan doktor falsafah (PhD) telah berjaya menghasilkan ribuan graduan siswazah di peringkat sarjana dan PhD dengan kepakaran spesifik dalam bidang masing-masing.

Graduan-graduan ini sedang mencari-cari peluang pekerjaan dalam sektor R&I untuk membolehkan mereka menggunakan kepakaran demi

Negara	Peratus Perbelanjaan	Jumlah Perbelanjaan (PPP\$ million)	penyelidik per 1 juta penduduk	Perbelanjaan R&I (PPP\$ million)			Nisbah Perbelanjaan Industri kepada Kerajaan & Universiti
				Industri	Kerajaan	Universiti	
1. Korea, Rep	4.3	73,099	6656	57,180	8,196	6,614	3.86
2. Israel	4.2	11,760	8250	9,953	217	1,468	5.91
3. Japan	3.4	169,554	5328	131,839	14,116	21,306	3.72
4. Finland	3.2	7,178	7011	4,860	620	1,641	2.15
5. Switzerland	3.2	14,744	4455	10,542	149	4,415	2.31
6. Austria	3.1	12,797	4937	9,118	581	3,037	2.52
7. Sweden	3.1	14,191	6877	9,514	532	4,111	2.05
8. Denmark	2.9	7,877	7311	5,023	181	2,641	1.78
9. Germany	2.9	109,562	4318	74,123	16,022	19,416	2.09
10. USA	2.7	476,460	4255	340,728	54,106	62,354	2.93
11. Slovenia	2.4	1,505	4140	1164	183	157	3.42
12. Belgium	2.4	11,935	4529	8343	1074	2465	2.36
13. France	2.3	60,586	4233	38,551	7,717	13,402	1.83
14. Singapore	2.2	10,069	6729	6,159	1,148	2,762	1.58
15. Australia	2.2	23,129	4539	13,025	2,292	6,985	1.40
China	2	370,605	1096	286,465	58,567	25,573	3.40
Malaysia	1.3	9,729	2029	4442	799	4,488	0.84
Thailand	0.5	5,139	964	2,788	1,050	1,280	1.20

DATA-DATA perbelanjaan R&I untuk negara-negara utama dunia termasuk China, Malaysia dan Thailand.



Rajah 1 Nisbah perbelanjaan R&I oleh industri dibandingkan dengan kerajaan & universiti

NISBAH Perbelanjaan Industri kepada Kerajaan & Universiti.

menjana idea-idea baharu yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan produktiviti syarikat dan ekonomi negara.

Oleh itu, komitmen yang tinggi sangat diperlukan di pihak industri bagi menjadikan R&I sebagai satu sektor pertumbuhan strategik syarikat.

Bahagian R&I perlu diwujudkan dalam syarikat yang akan menumpu kepada pembangunan idea-idea inovatif yang dapat membantu meningkatkan perolehan.

Walaupun mungkin pulangan segera tidak dapat diperoleh, namun usaha ini harus dilihat sebagai satu langkah kelestarian perniagaan supaya lebih banyak idea baharu dapat dikembangkan.

Pengalaman syarikat-syarikat di Korea sudah sewajarnya menjadi satu contoh baik bagaimana


R&I dapat membantu memperkukuhkan keuntungan syarikat dalam jangka masa panjang.

Di pihak universiti, kami sentiasa terbuka untuk menerima saranan dan idea kerjasama dalam R&I supaya industri dan universiti dapat menggembelng tenaga menghasilkan inovasi-inovasi yang dapat membantu Malaysia menjadi negara maju seperti Korea.

Ini bukannya satu impian kosong tetapi sesuatu yang boleh dijayakan dengan syarat kedua-dua pihak (industri dan universiti) saling membantu dalam mencapai tujuan dan matlamat membantu negara.

PROFESOR DATUK IR. DR. ABDUL WAHAB MOHAMMAD ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

LAMPIRAN 12
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 10
TARIKH: 12 JUN 2019 (RABU)



Muhamad Razis Ismail,
Mohd Zulkifli Zainuddin,
Ramli Ibrahim, Suraya Roslan,
Roselan Ab Malek
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Sumber air di kawasan sekitar Kuala Koh, Gua Musang disahkan bebas daripada pencemaran dan radioaktif.

Ia berdasarkan pemeriksaan Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), sejak kelmarin.

Pengarah JBPM Kelantan, Salleh Sarbini berkata, pemeriksaan pasukan itu tertumpu di bekas tapak lombong, air tandak dan sumber air di kawasan Ating 10 yang berhampiran penempatan Orang Asli.

Katanya, pasukan juga menggunakan peralatan khas yang boleh mengesan jika wujud unsur pencemaran termasuk bahan kimia berbahaya hingga menjejaskan kesihatan.

"HAZMAT segera digerakkan ke lokasi selepas menerima maklumat kejadian itu untuk melakukan pemeriksaan terhadap kualiti air."


"Bagaimanapun, hasil pemeriksaan yang dijalankan, setakat ini kami dapati kawasan itu bebas daripada sebarang pencemaran dan radioaktif."

"Pemeriksaan akan terus dijalankan dengan kawasan diperluaskan hingga sempadan Kuala Koh," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Salleh berkata, HAZMAT Kelantan turut mendapat bantuan daripada pasukan Perak, Terengganu, Kuala Lumpur dan Melaka bagi melancarkan operasi itu, menjadikan keseluruhan kakitangan cecah 20 orang.

"Perkembangan operasi kami akan maklumkan dari semasa ke semasa," katanya.

Akhbar sebelum ini melaporkan pencemaran air bukit dan anak sungai Lebir dekat Kampung Kuala Koh di sini, dipercayai berpunca daripada aktiviti perlombongan bijih manganese atau keluli. Ia menyebabkan kematian 14 penduduk Orang Asli Batek, setakat ini.



Bebas radioaktif

HAZMAT sahkan sumber air sekitar Kuala Koh tidak tercemar



ANGGOTA HAZMAT mengambil sampel air di Perkampungan Orang Asli Kuala Koh dan lombong bijih besi.

LAMPIRAN 12 (SAMB.) HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 11 TARIKH: 12 JUN 2019 (RABU)

**Putrajaya**

TPM panggil mesyuarat tergepar

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail semalam, memanggil mesyuarat tergepar di sini, bagi membincangkan perkembangan terkini situasi Orang Asli daripada suku kaum Batek di Kampung Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan.

Dr Wan Azizah yang mengengerusikan mesyuarat selama dua jam di Pejabat Timbalan Perdana Menteri itu mencerminkan keseriusan dan keprihatinan kerajaan, dalam menangani isu kesihatan yang sedang dialami etnik itu.

"Perkara membabitkan nyawa rakyat adalah isu besar yang perlu perhatian khusus dan tindakan menyeluruh," katanya dalam catatan di laman Twitter rasmi beliau. - BERNAMA

Tiga lagi Orang Asli masuk ICU

Putrajaya: Tiga lagi individu Orang Asli dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) sejak semalam berhubung kesangkitan pada saluran pernafasan di perkampungan masyarakat itu di Kuala Koh, Gua Musang.

Tiga individu terbahit kini dirawat di ICU Hospital Kuala Krai, meningkat berbanding hanya seorang menerima rawatan di ICU Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di Kota Bharu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata secara keseluruhan 99 individu Orang Asli menerima rawatan berkalitan kes berkenaan sehingga jam 12 tengah hari semalam.


Katanya, seramai 40 orang menerima rawatan sebagai pesakit luar di Klinik Kesihatan Ciku dan Aring,

manakala 22 dirawat di wad biasa Hospital Gua Musang serta 18 di Hospital Kuala Krai.

"Empat yang dirawat di ICU ialah tiga di Hospital Kuala Krai dan seorang di HRPZ II

"Pada masa sama, 14 kes dicatatkan di Rumah Inap Kesihatan Orang Asli di perkampungan terbahit menjadikan keseluruhan 99 kes setakat hari ini," katanya kepada media selepas Sesi Town Hall Menteri Kesihatan Bersama Pengamal Perubatan Swasta di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, Kementerian Kesihatan sedang menunggu hasil ujian untuk mengenal pasti jenis mikroorganisme yang menyebabkan kematian dua Orang Asli di Kuala Koh.



PETUGAS Klinik Kesihatan Aring memeriksa Orang Asli suku kaum Batek bagi memastikan tidak dijangkiti sebarang penyakit.

Gua Musang

Bukan mudah dekati mereka

Bukan mudah mengawal pergerakan Orang Asli Batek di Kampung Kuala Koh di sini, berikutan masih mengamalkan kehidupan nomad dan tiada penempatan tetap.

Disebabkan itu, usaha mendekati etnik itu sebelum ini sukar dilakukan termasuk untuk memperkenalkan Islam dan mengajar cara hidup baik.

Guru Agama Islam Orang Asli, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan (MAIK), Mohd Fadli Mahmok berkata, tidak mudah untuknya mendekati etnik itu meskipun dia sendiri orang tempatan dilahirkan di Aring 5, di sini.

Kota Bharu

Kesan 12 kubur perlu masa

Polis memerlukan masa untuk mengesan 12 kubur Orang Asli Batek Kampung Kuala Koh, Gua Musang yang dikatakan dikebumikan secara adat, baru-baru ini.

Ketua Polis Kelantan Datuk Hasanuddin Hassan berkata, pihaknya dimaklumkan oleh keluarga mangsa bahawa mayat itu dikebumikan di kawasan hutan yang jauh dari penempatan mereka.

Harap kerajaan ambil tindakan

Kuala Lumpur: Ahli Dewan Negara, Senator Husam Musa berharap kerajaan Kelantan dan agensi Persekutuan tidak berdiam diri dalam isu perlombongan haram di Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan yang belum disita sehingga kini.

Dalam kenyataan semalam, Husam mempersoalkan pengoperasian lombong itu, meskipun ketika lawatan Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Tengku Zulpuri Shah Raja Puji Ke Kuala Koh pada Ahad lalu mengesahkan ia tidak mempunyai lesen sah.

"Tidak ada satu papan tanda nama pelombong atau apa-apa maklumat lain dipamerkan di kawasan lombong berkenaan.

"Namun, ketika lawatan dibuat, lombong masih beroperasi dan penyelia lombong dikatakan mengaku mereka ada menggunakan bahan letupan jenis kimia

yang tidak dinyatakan," katanya.

Menurutnya, kenderaan berat kegunaan lombong masih ada di tapak berkenaan sehingga petang kelmarin.

"Lombong berkenaan belum disita, ini adalah lombong terdekat dengan penempatan Orang Asli Kuala Koh dan terdapat dua anak sungai mengalir.

"Sama ada kematian Orang Asli berpunca daripada pencemaran lombong atau tidak, penguat kuasa perlu bertindak segera berikutan beroperasi tanpa lesen," katanya.

Husam berkata, pihaknya berharap kerajaan negeri dan agensi persekutuan tidak berdiam diri mengenai isu berkenaan.



LAMPIRAN 13
KOSMO! (NIAGA): MUKA SURAT 45
TARIKH: 12 JUN 2019 (RABU)

TNB, MPSP bekerjasama kurangkan jejak karbon

HIJAU. Tenaga Nasional Bhd. (TNB) menerusi anak syarikatnya, TNB Renewables Sdn. Bhd. memeterai perjanjian hasrat bagi perjanjian bekalan tenaga boleh diperbaharui (SARE) dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Ia melibatkan pemasangan panel solar di bumbung pasar awam dan beberapa pejabat kerajaan negeri yang telah ditetapkan di Pulau Pinang.

Menerusi perjanjian itu, anak syarikat milik penuh TNB Renewables, GSPARX Sdn. Bhd. akan mengkaji dan mengenal pasti tapak yang sesuai bagi pemasangan panel solar yang membolehkan MPSP menjual lebih tenaga solar kepada TNB.

Presiden MPSP, Datuk Seri Rozali Mohamud berkata, perjanjian itu membawa MPSP melangkah setapak lagi ke arah merealisasikan agenda masyarakat karbon rendah menerusi inisiatif bandar pintarnya di Seberang Perai.



ROZALI (kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Ketua Pemasaran GSPARX, Nor Ziha Zainol Abidin (tiga dari kiri) pada majlis yang diadakan di Pulau Pinang baru-baru ini.

LAMPIRAN 14
THE SUN DAILY (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 6
TARIKH: 12 JUN 2019 (RABU)

'Not chemical poison'

► Deaths at orang asli village due to micro-organism infection

BY **AMAR SHAH MOHSEN**
newsdesk@thesundaily.com

PUTRAJAYA: The Health Ministry has ruled out chemical contamination as the cause of death of several orang asli from the Bateq tribe in Kuala Koh village in Gua Musang, Kelantan.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said this was concluded following tests on two of the deceased and others who visited nearby health facilities.

He said those who succumbed or are in an acute stage were afflicted by a micro-organism infection.

"It is safe to say that they did not die of chemical (poisoning). According to X-rays and other tests, the victims died due to micro-organism infection. The issue is whether it is primarily bacterial or viral."

Dzulkefly said the ministry was now awaiting the polymerase chain reaction (PCR) test report to determine the micro-organism.

PCR is an extensive test used to determine the root cause and the diagnosis of infected persons.

Meanwhile, Dzulkefly said three



Hazmat personnel taking water samples to check for contamination. – **BBXPRESS**

new patients were warded at the intensive care unit, up from one on Monday.

Police have cordoned off the village. In total, 99 villagers have received treatment, more than half of the residents in the area.

Recently, it was reported that 14 individuals from the Bateq tribe

suffered "mysterious" deaths since early May, with some claiming it was due to water pollution caused by mining activities.

The Health Ministry was able to conduct post-mortems on two of the deceased as the remaining 12 bodies were buried in the jungle by the residents.

LAMPIRAN 15
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 11
TARIKH: 12 JUN 2019 (RABU)

Group wants watchdog set up for Sabah gold mining operation

KOTA KINABALU: Sabah environmentalists are calling for an independent monitoring watchdog to keep close tabs on a gold mining operation in Tawau.

Sabah Environmental Protection Association (Sepa) president Lanash Thanda said a monitoring committee should comprise of non-governmental organisations and technical agencies.

"Committee members should not have vested interest and must be given the mandate to conduct an environmental audit on the planning processes of the Environmental

Protection Department (EPD) and on-site operations for mining in sensitive areas," she said here yesterday.

Lanash said they had been seeking details about environmental requirements for the company's mining operations but the relevant departments have not answered the queries.

"We have been asking but no answers. We hope that the new Parti Warisan Sabah-led state government will be more transparent in allowing the public to be in the know of the various environmental

requirements," she said.

Lanash noted that Sabah already had a "bad environmental experience" from the Mamut copper mine at the foothills of Mount Kinabalu in Ranau that ended operations in 2000.

"It remains a severe environmental concern for the people in the vicinity," she said.

She pointed out rehabilitation at the site was too costly.

"The costs of rehabilitating has left it desolate with concerns over the structure of the walls of the open mine that currently holds

about 20.6 million cubic water containing acid mine drainage that was affected by the 2015 earthquake.

"Sabah government had better clean up environmental planning processes and become more transparent and include the public in any decision making process, particularly with the Federal Government urging the state to open up more mines," Lanash added.

There been suggestions for Sabah to issue more mining licences to extract natural resources in the state.

“The Sabah government had better clean up environmental planning processes and become more transparent.”

Lanash Thanda



LAMPIRAN 16
NEW STRAITS TIMES (NATION): MUKA SURAT 10
TARIKH: 12 JUN 2019 (RABU)

'Kuala Koh free of pollution, radioactive contamination'

KOTA BARU: Checks by the Kelantan Fire and Rescue Department's hazardous materials (Hazmat) team showed that several areas in Kuala Koh are free of pollution or radioactive contaminants.

State Fire and Rescue Department director Salleh Sarbini said the team used special equipment to detect harmful chemicals around the Orang Asli settlement yesterday.

He said checks were carried out in a few locations, including Aring 10. The team took water samples from a former mining site and water catchment area.

"After receiving information on the incident, we deployed our Hazmat team to the scene to check whether it has been exposed to pollution or radioactive contamination that may have affected the people's health.

"However, checks did not find any of these signs and we believe the area is free from pollution or radioactive contamination."

Salleh said the team would conduct checks in other areas, including the borders of Kuala Koh.

"We have sought the assistance of teams from Perak, Terengganu, Kuala Lumpur and Melaka."

Salleh said the Hazmat team, comprising about 20 personnel, would extend their checks to other areas from time to time.



The Kelantan Fire and Rescue Department's Hazardous Materials team taking water samples from a former mining site and water-catchment area in Kuala Koh yesterday. PIC COURTESY OF KELANTAN FIRE AND RESCUE DEPARTMENT

It was earlier reported water contamination, believed to be caused by manganese or steel


mining activities, had caused the death of 14 Orang Asli from the Batek tribe.

However, Deputy Water, Land and Natural Resources Minister Tengku Zulpuri Shah Raja Puji

had reportedly said his ministry would conduct a thorough investigation to identify the cause.

LAMPIRAN 17
THE STAR (VIEWS): MUKA SURAT 16
TARIKH: 12 JUN 2019 (RABU)

Malaysia - The world's top dump site for plastic waste



Health and safety aspects in media industry

IN its effort to create awareness on occupational safety and health (OSH) among media practitioners, the National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) is developing a specific training module which could help those in the industry to make the necessary preparation when covering risky assignments.

Hopefully, media organisations and the relevant institutions could come forward to share their input so that NIOSH could develop a comprehensive module that would benefit media employees especially those on the ground.

As an institute that helps to increase the OSH level in the country, NIOSH will continue to assist media organisations to improve the safety and health of all their practitioners while on duty.

The management of media organisations must give priority to the OSH aspect and ensure that

their staff are given proper training and wear personal protective equipment (PPE) when covering risky assignments like the recent chemical dumping at Sungai Kim Kim in Pasir Gudang, Johor.

They should also set up an OSH committee if they have 40 employees and above, as required by the Occupational Safety and Health Act 1994.

To date, NIOSH has organised several OSH for Media seminars nationwide with the main aim being to increase awareness on OSH among journalists, photographers, cameramen and also human resource staff.

This is part of our efforts to communicate OSH where every level of society should understand the importance of safety and health.

Apart from environmental pollution, more frequent natural disasters and the emergence of new diseases and mental illnesses are

among the new challenges that media practitioners will face.

New working environments and the use of smart gadgets would also create health issues that are related to ergonomics, vision and mental illness such as depression. Media organisations must address these new challenges.

Based on my observation, the level of OSH awareness among media practitioners is still low. It is even more frustrating when some employers consider good OSH practices as a trivial issue and are not keen to implement them in their respective organisations.

Media organisations must refer to the Guidelines for Media Professionals published by the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) under the Human Resources Ministry.

The guidelines include a safe work procedure which, among others, stresses that media practition-

ers must have sufficient information and preparation when working in risky zones and environmentally hazardous areas.

The guidelines were developed after the tragic incident where Bernama TV cameraman Noramfaizul Mohd Nor was killed while covering a humanitarian aid mission in Somalia in 2011.

The murder of Kim Jong-nam using VX poison in February 2017 also shows the importance of OSH among media practitioners.

Media practitioners must keep in mind that their job is to tell the story, not to become it. Those who put themselves needlessly at risk could ultimately prevent the story from being told or the picture being seen.

TAN SRI LEE LAM THYE
Chairman
National Institute of
Occupational Safety and Health

LAMPIRAN 18
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 1
TARIKH: 12 JUN 2019 (RABU)



LAMPIRAN 18 (SAMB.)
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 2
TARIKH: 12 JUN 2019 (RABU)

It's just about moving here to there

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

Plastic waste factories relocated from Penang to Kedah

SUNGAI PETANI: Penang did not want them, so plastic waste processing factories have moved here.

After a major crackdown "shooed away" illegal plastic waste processing facilities from Penang, many of them moved south, just 30 minutes from Butterworth.

Checks revealed that industrial plots as large as 4ha and vacant warehouses have become processing facilities for plastic waste that needed to be sorted by quality and cut into bits before being recycled.

The Kedah government is on alert and has ordered the closure of several illegal factories.

A few factories in the Sungai Petani Industrial Area had their gates sealed with yellow tape by local authorities.

However, forklifts on the factory grounds could still be seen shifting large sacks of shredded plastic piled two storeys high.

Kedah environment and climate change committee chairman Simon Ooi said so far, 14 illegal plastic waste factories in Sungai Petani had been ordered to cease all operations, but he was disappointed that some of them were still running.

"We have stopped issuing new licences for recycling plastic, and more drastic action will be taken very soon.



Raising a stink: The general view of a recycling plastic waste at one of the processing factories located at Bakar Arang Light Industrial Zone in Sungai Petani, Kedah. — G.C.TAN/The Star

"We are arranging joint enforcement between various agencies, and will even cut electricity and water supply to these factories," he said.

Ooi added that the state had planned on setting up a centralised garbage processing plant in Gurun but no decision had been made thus far.

Penang environment committee chairman Phee Boon Poh confirmed when interviewed yesterday that since early this year, the Penang government found out that

operators ordered to shut down had been shifting their plastic waste to Kedah.

"It was a mass migration of plastic waste out of Penang, and we received tip-offs that they ended up in Kulim, Gurun and Sungai Petani.

"While we are unable to keep track the entire time, we alerted our counterparts in Kedah to keep track of the arrivals.

"We are also sharing our experience with Kedah on tackling the issue and working together on it," he said.

It was reported last September that out of about 200 plastic processing facilities in Penang, only 27 were licensed.

Those factories that were licensed had been reported importing a total of about 110,000 tonnes of plastic waste from around the world per month.

While plastic waste is nearly worthless, its value increases after they are sorted, graded and cut into bits for recycling.

However, recycling plants do not want certain plastic materials such as food wrappers with a layer of aluminium infused between plastic sheets.

Illegal processing facilities are known to either burn or dump such unwanted plastic waste.

LAMPIRAN 18 (SAMB.)
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 3
TARIKH: 12 JUN 2019 (RABU)

Mountain of trash believed covered up



Then and now: The illegal plastic waste dump in Sungai Rambai, Jenjarom (left), and the site after the dump was cleared.

Locals hail clean-up not knowing plastic waste was allegedly buried

By WANI MUTHIAH
wani@thestar.com.my

KUALA LANGAT: The mountain of garbage, mostly made-up of plastics at the infamous Jenjarom landfill near here, appears to have been cleared.

The sight of the current empty space once occupied by a mountain of imported garbage had some locals hailing it as a victory against environmental contamination.

However, it may be a hollow victory after allegations surfaced that the bulk of the garbage was buried at the same site.

According to several sources,

including Kuala Langat Environmental Action Association secretary Pua Lay Peng, the bulk of the imported garbage was still there.

"Only a portion of the recyclable garbage was sent for processing to a recycling company in Ipoh, while the bulk, which cannot be recycled was still there," said Pua.

The company in Ipoh, Resourceco Asia (M) Sdn Bhd, recycles and processes engineered fuel from garbage to be used by the cement industry.

She claimed that a huge hole was dug out and the garbage buried and covered with additional soil, which was then flattened.

According to Pua, by doing so, the perpetrators have created a bigger problem.

"The soil will be unstable for building upon and it will also not be suitable for farming as its full of non-biodegradable garbage underneath," she added.

Pua also said that if there was any toxic e-waste in the landfill it would also contaminate underground water sources.

"So the problem has not been solved but instead a different and more serious problem has been created," she said.

When contacted, Resourceco Asia managing director Pavel Cech said

his company only received 1,400 metric tonnes of garbage for recycling from Jenjarom.

"When I first visited the site less than a year ago, according to my estimation, there was some 7,000 metric tonnes of garbage from the Jenjarom landfill," he said.

However, when Cech's company finally went to the site to collect the garbage there was merely 1,400 metric tonnes of waste there.

"So, I am wondering what happened to the rest of it and whether it was taken away by someone," said Cech.

He also added that it was an uphill task to arrange the removal

of the garbage from the site to be sent to Ipoh for processing, as technically, it (the garbage) was the private property of the landowners.

"We finally managed to sign an agreement to remove the garbage with the landowners which was witnessed by the MDKL (Kuala Langat District Council)," said Cech.

He added that 70 big truckloads of garbage was transported to the recycling plant in March this year.

Cech said the 1,400 metric tonnes of garbage has since been recycled into processed engineered fuel and delivered to the local cement production plants.

LAMPIRAN 19
THE STAR (WORLD): MUKA SURAT 25
TARIKH: 12 JUN 2019 (RABU)

Canada to ban single-use plastics from 2021

MONTREAL: Canada will ban single-use plastics from 2021, Prime Minister Justin Trudeau announced, declaring it a "global challenge" to phase out the plastic bags, straws and cutlery clogging the world's oceans.

"I am very pleased to announce that as early as 2021, Canada will ban harmful, single-use plastics from coast to coast," Trudeau said on Monday, arguing Canada has a unique chance to lead the fight against plastic pollution as the country with the world's longest coastlines.

Less than 10% of plastics used here are currently recycled, he said.

Each year, a million birds and more than 100,000 marine mammals worldwide are injured or killed by becoming entangled in plastic or ingesting it through the food chain. Single-use items represent about 70% of the plastic waste

“ I think it's stupid to have a straw for five minutes for a latte or whatever and then it goes in the ocean. **”**

John from Toronto

littering the marine environment.

Straws, plastic bags, cutlery, plates and stir sticks would be among the items banned, a government statement said.

The list will be refined based on further scientific research between now and 2021.

Trudeau said it was also "tough" trying to explain the problem to his

own children.

"How do you explain dead whales washing up on beaches around the world, their stomachs jam-packed with plastic bags?" he said.

The environmental group Greenpeace called the government's announcement "the first step" but said ultimately Canada needs to move towards phasing out a wider array of "all non-essential plastics".

It called for quick action "so this announcement isn't a single-use election promise".

The environment is shaping up as an issue in Canadian legislative elections set for October.

Trudeau's chief rival, Conservative leader Andrew Scheer, dismissed the government measure as "another gesture without a plan, without any kind of specifics on how this would be implemented, or any kind of study on the impact on prices for consumers, on jobs, on

how this would affect the small businesses".

If he wins the election, Scheer vows to roll back environmental protections, including a federal carbon tax and a tanker traffic ban along a pristine part of the Pacific coast.

In Canada's largest city, Toronto, many residents endorsed the government's move.

"I think it's stupid to have a straw for five minutes for a latte or whatever and then it goes in the ocean. I mean come on, give me a break. This is not necessary," a man who gave his name as John said.

"If it is banned, we are going to learn" how to deal with it, "for future generations", said Evelyn, another resident.

Trudeau also said producers of other plastics will be held responsible for "the entire life-cycle" of their products. —AFP

LAMPIRAN 20
THE STAR (STAR ASEAN): MUKA SURAT 20
TARIKH: 12 JUN 2019 (RABU)

Call for disaster compensation

Vietnamese sue Taiwan's Formosa over 2016 catastrophic chemical spill

TAIPEI: Representatives of 7,800 Vietnamese people affected by a 2016 chemical spill filed a lawsuit against Taiwanese multinational Formosa Plastics Group in Taipei.

The spill caused by Formosa Ha Tinh Steel, a Vietnamese subsidiary of the Taiwan-based parent company, killed hundreds of tonnes of fish in the seas off four central Vietnamese provinces, the plaintiffs' representatives said outside Taiwan Taipei district court yesterday.

The subsidiary was fined more than US\$500mil (RM2mil) by the Vietnamese government in late 2016. However, residents affected by the spill have not received any compensation.

"The environmental incident affected many Vietnamese residents. It polluted not only water but also soil and air," Bishop Huang, a retired bishop of the Vietnamese Catholic Church, said.

Shouting slogans, including "Irresponsible Formosa, pay compensation now!", the victims' representatives urged Formosa to take responsibility for the incident, provide reasonable compensation to the victims and rehabilitate the marine environment.

Huang Xin-wen, a lawyer from the Taipei-based Environmental Rights Foundation, said she and other lawyers had visited Vietnam in February and found evidence of several tragedies relating to the environmental catastrophe.

She said a boat company owner committed suicide due to heavy debts and many fishermen had been forced to seek jobs overseas as guest workers because they could not make their own living at home.

Taiwanese human right groups expressed solidarity. They and representatives of those affected were to protest outside a Formosa shareholders' meeting in Taipei. — dpa

LAMPIRAN 21
UTUSAN MALAYSIA (LUAR NEGARA): MUKA SURAT 41
TARIKH: 12 JUN 2019 (RABU)



PEMANDANGAN dari udara penempatan penduduk ditenggelami air selepas hujan lebat yang berterusan melanda Sulawesi. - AGENSI

Sulawesi dilanda banjir besar

JAKARTA 11 Jun - Berpuluh ribu penduduk di beberapa wilayah Sulawesi terjejas banjir selepas hujan lebat berterusan selama beberapa hari melanda wilayah itu sehingga semalam.

Tribun News yang memetik Ketua Pusat Data Informasi dan Hubungan Masyarakat, Badan Nasional Pengurusan Bencana Indonesia (BNPD), Sutopo Purwo Nugroho berkata, antara kawasan yang terjejas teruk akibat dinaiki air adalah Sulawesi Selatan, Sulawesi Tenggara dan Sulawesi Tengah.

Daerah Konawe Utara di Sulawesi Tenggara mengisytiharkan perintah darurat sehingga 16 Jun ini manakala beberapa kawasan lain termasuk daerah Morowali di Sulawesi Tengah juga mengambil langkah sama sehingga hari ini, sebagai reaksi kepada peningkatan paras air dan ramalan c hujan lebat berterusan.

BPBD dimaklumkan seorang bayi berusia empat hari maut akibat banjir di daerah Konawe, namun pihaknya masih menunggu laporan bagi mengenal pasti punca kematian bayi itu.

Bencana itu turut memaksa puluhan ribu penduduk berpindah selain memusnahkan rumah, tanaman dan kemudahan awam.

Sutopo berkata, berdasarkan maklumat awal, kira-kira 4,198 penduduk melibatkan 1,091 keluarga di daerah Konawe Utara di Sulawesi Tenggara telah berpindah dari perkampungan mereka.

"Banjir yang paling teruk melanda kawasan Asera apabila 72 rumah daripada 13 perkampungan di situ ditenggelami air," katanya.

Beliau memberitahu, berdasarkan maklumat BPBD daerah Konawe Utara, banjir itu telah memusnahkan sawah padi seluas 9.7 kilometer (km) persegi, pertanian jagung seluas 0.8 km persegi dan tanah perikanan seluas 4.2 km persegi.

Menurut BPBD, jambatan utama yang menghubungkan kampung Laronanga dan kampung Puwonua runtuh manakala sebuah lagi jambatan di kampung Padalerutama turut dilaporkan tidak boleh digunakan akibat dinaiki air.

"Kami berdepan dengan kesukaran untuk menyalurkan bantuan ke kawasan-kawasan terpencil selepas laluan utama terputus," katanya. - AGENSI

LAMPIRAN 22
UTUSAN MALAYSIA (SUKAN): MUKA SURAT 51
TARIKH: 12 JUN 2019 (RABU)

Podium Olimpik daripada sisa plastik



■ TOKYO 11 JUN

PODIUM Sukan Olimpik 2020 di Tokyo akan diperbuat daripada sisa plastik buangan yang didermakan oleh penduduk tempatan atau dikutip dari laut, kata penganjur temasya tersebut, hari ini, sebagai sokongan kepada pemuliharaan alam sekitar.

Podium itu bakal menjadi yang pertama diperbuat daripada bahan kitar semula dan penganjur berkata, mereka memerlukan 45 tan plastik untuk menghasilkan 100 podium bagi Sukan Olimpik.

Ketua Pegawai Eksekutif Tokyo 2020, Toshiro Muto berkata, perancangan itu akan membantu dalam menyampaikan mesej mengenai pemuliharaan alam sekitar, yang mana penganjur berhasrat untuk menjadikan ia satu tema utama pada temasya tersebut tahun depan.

"Dengan menyampaikan mesej itu kepada rakyat Jepun

dan penduduk di seluruh dunia, kami berpendapat projek ini memiliki manfaat yang bagus," katanya kepada pemberita.

Bagi menjayakan projek itu, lebih daripada 2,000 rangkaian pasarnya tempatan akan memberikan kerjasama dengan menyediakan kotak khas bagi membolehkan warga Tokyo menderma bahan buangan plastik yang boleh dikitar semula.

Projek itu juga akan menggunakan bahan buangan plastik yang diperoleh daripada pembersihan laut. Penganjur 2020 begitu berminat untuk menyampaikan mesej mesra alam, bersempena temasya tersebut, termasuk menghasilkan pingat daripada bahan buangan produk elektronik yang dikitar semula.

Atlet Jepun yang bertanding pada temasya itu juga akan memakai pakaian rasmi yang dihasilkan daripada pakaian kitar semula yang diperoleh dari seluruh negara. -AFP

PADA Sukan Olimpik 2020 di Tokyo, Jepun, pemenang pingat temasya itu bakal berdiri di atas podium yang diperbuat daripada bahan plastik kitar semula. - AFP